

NOTA TAMBAHAN BERKENAAN MYWAU APPS

Terima kasih kerana telah membeli buku Manual 1688 versi cetakan rasmi. Di harap buku ini membantu anda lebih memahami proses yang akan berlaku di sepanjang pembelian produk di laman web 1688. Di sini, kami melampirkan beberapa nota penting (versi kemaskini) yang wujud di aplikasi MyWau.


MYWAU PAY

Sejurus anda mendaftar akaun MyWau, anda seharusnya mengaktifkan sistem pembayaran MyWau Pay. Seperti mana wujudnya QRpay Maybank, Boost, TNG E-Wallet, Alipay, maka MyWau juga ada sistem dompet atas taliannya yang tersendiri iaitu MyWau Pay. Fungsi menyimpan duit masih sama, cuma pembayarannya terhad kepada operasi yang berlaku di dalam sistem MyWau sahaja.

1.1: PENDAFTARAN MYWAU PAY

Bagi melancarkan proses pendaftaran MyWau Pay, di sini kami lampirkan beberapa tatacara mudah mendaftar atau mengaktifkan dompet atas talian MyWau Pay. Cara untuk ke halaman MyWau Pay ada dua:

1. Anda boleh membukanya terus menerusi menu Pay & Points. Kemudian, anda pilih sahaja MyWau Pay. Atau...



2. Anda boleh membukanya langsung dari halaman utama MyWau. Hanya perlu ke kotak 'Balance MyWau Pay' dan tekan 'View'.

Welcome Jali Pok Yah Enterprise!

Please check our latest [Announcement](#)

A screenshot of the MyWau mobile application's dashboard. On the left, there is a teal-colored box labeled 'Dashboard' containing '\$ MYWAU PAY BALANCE' and 'RM 4.99' with a 'View >' button below it. On the right, there is a green-colored box labeled 'NEW ARRIVED PARCELS' containing '1 Parcel' and a 'View >' button. A large black arrow points downwards from the text '2. Anda boleh membukanya langsung dari halaman utama MyWau. Hanya perlu ke kotak \'Balance MyWau Pay\' dan tekan \'View\'.' towards the 'View >' button on the teal box.

Berikut pula adalah cara untuk mendaftar MyWau Pay:

1. Di halaman MyWau Pay, anda hanya perlu menekan butang “Create New” sahaja.

The screenshot shows the MyWau Pay homepage with a navigation bar at the top. Below the navigation, a breadcrumb trail shows 'Home > MyWau Pay'. The main content area is titled 'MyWau Pay' and contains a 'User Information' section. It displays the message 'No Available MyWau Pay data yet' and features a prominent blue button labeled 'Create New MyWau Pay Account'.

2. Isi semua maklumat yang diminta untuk mengaktifkan akaun MyWau Pay ini.

Full Name	: Isi nama penuh anda seperti di dalam Kad Pengenalan diri (I/C)
Email	: Isi email yang sahih dan rasmi anda. Pastikan email ini tepat.
No. Telefon	: Masukkan no. telefon yang tepat dan boleh dihubungi menerusi aplikasi whatsapp.
No. Kad Pengenalan	: No identiti kad pengenalan anda / No. Passport.
Username	: Masukkan pilihan nama pendek anda. Pastikan pemilihan <i>username</i> tidak kurang dari 6 huruf atau nombor.
Password	: Kata kunci keselamatan MyWau Pay anda. Di sini, anda wajib memasukkan campuran HURUF BESAR atau kecil, beserta nombor. <i>Contoh: Razalisudin86</i>
Transaction Pin	: Daftarkan 6 no. pin keselamatan transaksi anda. 6 no. ini wajib diingati / disimpan di tempat lain agar dapat dirujuk semula sekiranya anda terlupa. 6 no. ini akan diminta apabila anda ingin melaksanakan sebarang pembayaran di MyWau.
Bank	: Anda wajib memilih pilihan menu bank yang berdaftar di Malaysia. Sekiranya anda ada masalah untuk memaparkan bank ini, sila benarkan popup di <i>browser</i> anda. (<i>Always allow popup</i>).
Bank Account Number	: Masukkan no. akaun bank simpanan/semasa anda.
Account Holder Name	: Masukkan nama pemilik akaun bank anda

Nota: bagi maklumat bank ini, anda boleh untuk menggunakan Akaun Semasa bisnes anda.

1.2 : CIRI-CIRI MYWAU PAY

MyWau Pay

User Information

Show My Details Topup Withdrawal Terms And Condition FAQ Balance: RM 4.99

Transaction History

Note: This history is only for success transaction only. If you did not see the transaction list after Top-Up, it means that the transaction was failed. Please Top-Up again or contact your respected bank. Thank you.

Transaction Id ↓	Code	Reference No	Type	Amount	Transaction Time
212219	Transfer to	20210122205855.2604	CREDIT	RM 63.00	2021-01-22 20:58:55
201742	Top Up	MH20210115123710.2604	DEBIT	RM 51.00	2021-01-15 12:37:10

Show My Details

Anda boleh menyemak kembali akaun MyWau Pay anda di sini. Anda boleh membetulkan semula nama, no akaun bank dan butiran penting yang lain. Selain itu anda boleh mendapatkan kembali no. Pin transaksi anda kehilangan no. pin transaksi sebelum ini. Anda hanya perlu menekan butang MyWau Pay Pin > Reset My Pin. Satu sms akan dihantar ke telefon anda dengan butiran 6 digit yang baharu. Maka itulah no. Pin transaksi anda yang baharu.

Topup

Untuk meneruskan perbelanjaan di MyWau, anda boleh menambah nilai baki MyWau Pay melalui butang Topup ini. Di sini anda akan diberikan dua pilihan kaedah:

Kaedah 1: Fix Amount.

Di dalam kaedah ini, anda boleh memilih amount minimum RM10 – maksimum RM5,000 untuk menambah nilai. Caj transaksi yang terlibat adalah RM1 sahaja. Untuk melancarkan proses topup, anda boleh melayari website MyWau sama ada di telefon atau laptop, dan juga pastikan halaman ini telah disettingkan “*always allow popup*”. Setelah selesai memilih jumlah yang anda kehendaki, tekan sahaja butang submit.

Kaedah 2: Custom Amount

Bagi mereka yang suka untuk menetapkan sendiri jumlah yang anda mahukan, kaedah ini sangat sesuai digunakan. Anda hanya perlu masukkan jumlah minimum RM10 sehingga ke maksimum RM25,000. Anda kemudiannya memilih bank anda dan buat pembayaran dengan jayanya. Caj transaksinya juga serupa, RM1 sahaja.

Withdrawal

Fungsi ini adalah untuk menebus kembali baki duit anda yang terdapat di dalam MyWau Pay. Ianya akan dipindahkan ke akaun bank yang telah anda tetapkan semasa mendaftar MyWau Pay. Anda boleh semak kembali no akaun bank anda di bahagian Show My Details. Bagi urusan pemulangan baki ini, cas transaksi sebanyak RM0.30 akan dikenakan.

Terms and Conditions

Di ruangan ini pula, anda akan disajikan dengan maklumat tema & syarat selaku pemegang akaun MyWau Pay.

FAQ

Frequently Asked Question ini bertindak sebagai satu medium soalan dan jawapan yang banyak diutarakan oleh para ahli MyWau sebelum ini. Bacalah untuk penambahan info yang berguna.

Balance

Baki jumlah duit anda yang terkumpul sebelum atau selepas pembelian.

Transaction history

Anda mesti ingin tahu apakah transaksi yang berlaku sepanjang anda menggunakan sistem MyWau, kan? Maka, di sini lah kami kumpulkan senarai transaksi yang berjaya dilaksanakan.

Nota: Bagi semua urusan transaksi yang berlaku di dalam MyWau Pay seperti membuat bayaran Alipay, Pinduoduo, Bank Transfer atau Shipment, **TIADA CAS TRANSAKSI DIKENAKAN**. Pihak MyWau telah *absorb* semua kos yang terlibat dalam urusan transaksi di dalam e-wallet ini. Ianya dikecualikan untuk proses seperti topup dan withdrawal sahaja yang mana ianya dikenakan cas masing-masing yang bernilai RM1/transaksi dan RM0.30/pengeluaran sahaja.